

Soalan No: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 1.11.2017

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Ketua Menteri dan wakil rakyat Pakatan Harapan Pulau Pinang dilarang memasuki sekolah tetapi Sekolah di Putrajaya menyanyikan lagu UMNO dan mengibarkan bendera UMNO. Adakah ini satu 'double standard'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi penyertaan guru dan murid dalam program anjuran agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri, kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut menuntut pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan

Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang bertemakan kemerdekaan dan bukan berunsur politik. Program bertujuan melahirkan generasi Malaysia yang peka terhadap sejarah perjuangan kemerdekaan dan pelaksanaan program itu adalah bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut.

RJM01

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 30

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berikutan dengan kesediaan pihak PETRONAS untuk membiayai kos pembangunan Maktab Rendah Sains MARA Teknikal di Ranau, bilakah pembinaannya dijangka bermula dan siap.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan MRSM Ranau akan dilaksanakan sepenuhnya oleh PETRONAS. Jangkaan pembinaan MRSM Ranau adalah pada pertengahan tahun 2018. MARA hanya akan menguruskan perolehan alatan, kelengkapan dan perjawatan apabila sedia beroperasi.